

29/05/1997

Tanah: Hanya satu kes tertangguh

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH, Rabu - Hanya satu kes membabitkan pengambilan tanah milik awam melalui Akta Pengambilan Tanah di Perak masih tertangguh di mahkamah, kata Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Menurutnya, ini menunjukkan Perak tidak menghadapi masalah dalam menguatkuasakan undang-undang itu ketika mengambil alih tanah milik awam tanpa menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap kadar bayaran atau pampasan.

"Setakat ini, hanya satu kes tertangguh berhubung prosedur perundangan membabitkan pengambilan tanah bagi tujuan perindustrian dilaporkan.

"Dengan hanya satu kes di mahkamah, kita yakin ia dapat diselesaikan di luar mahkamah, dan akhirnya tiada lagi kes perundangan tertangguh di mahkamah," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Datuk Osu Sukam dalam sebuah akhbar tempatan semalam, bahawa ada kerajaan negeri tidak adil terhadap pemilik tanah dengan memberi bayaran tidak mengikut harga pasaran ketika menguatkuasakan Akta Pengambilan Tanah.

Akibatnya, kerajaan negeri berkenaan terpaksa berdepan dengan 100 kes perundangan di mahkamah.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menegur beberapa kerajaan negeri yang bertindak tidak adil ketika mengambil tanah rakyat.

Ramli berkata, satu kes yang tertangguh itu membuktikan pihaknya tidak menghadapi masalah dengan pembayaran pampasan atau pengambilan tanah yang tidak mengikut nilai semasa.

Katanya, kerajaan negeri bersedia mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan tuntutan bayaran kepada mereka yang terbabit.

(END)